

Sepatutnya yang tewas letak BU 27 APR 1971 jawatan

KUALA LUMPUR, Ahad — Kebiasaan pemimpin-pemimpin kerajaan meletakkan jawatan apabila kalah bertanding dengan ketua parti di negara-negara lain tidak berlaku di negara ini, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Menjawab satu pertanyaan di sidang akhbar di akhir Perhimpunan Agung Umno Ke-38 di sini hari ini, Perdana Menteri berkata: "Sepatutnya begitulah, tetapi

ia tidak berlaku, kita hendak buat apa." Jawapan ini disambut dengan gelak ketawa wartawan.

Perdana Menteri enggan menjawab soalan-soalan mengenai rombakan Kabinet, setakat berkata: "Saya hanya akan melakukannya pada masa yang sesuai apabila difikirkan patut..."

Beliau juga enggan mengulas mengenai kedudukan Tengku Razaleigh Hamzah dalam Kabinet.

Perdana Menteri menolak andaian beberapa wartawan yang bertanya sama ada Umno akan berpecah kepada dua puak. Katanya walaupun benar ada perwakilan dan ahli yang memihak kepada beliau dan Tengku Razaleigh, tidak kurang pula yang tidak memihak kepada sesiapa.

Beliau juga menolak kemungkinan akan meminta semua ahli-ahli Kabinet meletakkan jawatan bagi membolehkan beliau memilih Jemaah Menteri baru.

Perdana Menteri menegaskan pemilihan anggota-anggota Kabinet akan mementingkan perkara-perkara yang akan menjamin keberkesanannya.